**IPTA Emas - diploma turut layak** MS4



**Jawatan Kosong MPPP** MS24

**Peraduan Mewarna** MS 28





PERCUMA

# buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

16 – 30, NOVEMBER 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng





# Polis puji KN prihatin balu wira negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyerahkan sejumlah sumbangan kepada balu Sarjan Zal-Asri Abd. Somad atas keperwiraan Allahyarham membanteras jenayah di negara ini.

"Beliau meninggal dunia semasa menjalankan tugas. Apabila kita tahu, kita ingin menyampaikan sumbangan. Ucapan takziah kepada balu," ujarnya pada majlis sidang media penyampaian sumbangan khas di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Datuk Abdul Rahim Hanafi (Ketua Polis Pulau Pinang) turut sertai sidang media itu.

Mewakili Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, Abdul Rahim merakamkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri.

"Saya mewakili Ketua Polis Negara, seluruh keluarga Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri kepada pasukan polis.

"Ini menunjukkan suatu keprihatinan yang cukup baik untuk seluruh masyarakat serta pasukan polis di Pulau Pinang," katanya.

Balu, Atiqah Mohd. Rosdi, 29, yang ditemui kemudian melahirkan rasa terharu atas sumbangan yang diterimanya.

"Saya rasa terharu...arwah berjasa untuk negara. Terima kasih kepada kawan-kawan arwah, PDRM dan Kerajaan Negeri kerana banyak memberi sokongan moral," ujar Atiqah, sebak.

Dalam kejadian pada 23 September lalu, Zal-Asri, dari Bahagian Risikan Jenayah (D4), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka maut di tempat kejadian akibat dihentak dengan objek keras disyaki batu ketika cuba memberkas seorang penjenayah yang cuba melarikan diri dalam serbuan Ops Lejang di sebuah kilang besi buruk di Taman Teknologi Cheng, Melaka.

Allahyarham, 31, meninggalkan dua anak lelaki, Mohamad Habibullah, 4, dan Mohamad Atiqullah, enam bulan.



**KETUA Menteri sambil dipersaksikan oleh Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) dan Abdul Rahim Hanafi (paling kanan) menyerahkan sumbangan kepada Atiqah Mohd. Rosdi (kiri sekali) pada majlis khas di sini baru-baru ini.**



**ATIQAH Mohd. Rosdi bersama Mohamad Atiqullah Zal-Asri.**

# Program Muhibbah Sg. Bakau ketepi ideologi politik





ANTARA aktiviti dan persembahan menarik Majlis Perasmian Hari Ikhtifal Sekolah Agama Rakyat al-Falah di sini baru-baru ini.

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI ACHEH** - Majlis Perasmian Hari Ikhtifal Sekolah Agama Rakyat al-Falah disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Hal Ehwal Qariah Pulau Pinang, Rosidi Hussain di sini baru-baru ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembelajaran berteraskan agama di negeri ini.

Rosidi dalam ucapan perasmiannya berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sentiasa mengambil berat mengenai sekolah-sekolah agama dengan memberikan pelbagai bantuan dan sumbangan.

"Keprihatinan Kerajaan Negeri dapat dilihat dengan jumlah sumbangan dan bantuan yang semakin meningkat saban tahun.

"Ini sekaligus menidakkan gambaran negatif pihak-pihak tertentu terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menterinya, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Masjid al-Huda, Faizal Hussain dan Shahrizal Harun (Guru Besar Sekolah Agama al-Falah).

Dalam pada itu, Rosidi turut menyampaikan hadiah kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam pembelajaran dan juga kehadiran.

Majlis ikhtifal tersebut merupakan salah satu acara yang dijalankan sempena Hari Muhibbah Sungai Bakau anjuran bersama Sekolah Agama al-Falah dengan Masjid al-Huda dan Sekolah Kebangsaan Sungai Bakau.

Dalam pada itu, menurut Faizal, nama muhibbah dipilih kerana setiap penduduk di Sungai Bakau melibatkan diri pada hari tersebut tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing.

"Dengan kerjasama erat yang ditunjukkan, besar kemungkinan program seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang, katanya.

Program selama tiga hari berkenaan diisi dengan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti ceramah dan kuliah, pemeriksaan kesihatan, kursus pemakanan oleh pejabat kesihatan dan gerai pameran.

# Don Daniyal ikon ZPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Selebriti dakwah TV Al-Hijrah, Don Daniyal Don Biyajid diumumkan sebagai ikon Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam karnival buat julung-julung kalinya diadakan di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, inisiatif itu diharap dapat mendekatkan ZPP dengan umat Islam di negeri berkenaan.

"Dengan adanya Ustaz Don yang terkenal ini di Pulau Pinang dan seluruh Malaysia sebagai ikon kita, inshaAllah dapat mendekatkan ZPP dengan masyarakat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat serta Ahli Majlis ZPP lain turut hadir pada keraian tersebut.

Serentak dengan penganjuran karnival tersebut, Mohd. Salleh turut menyempurnakan majlis sumbangan saguhati RM634,800 kepada 1,058 guru agama dan guru al-Quran sebagai menghargai peranan dakwah yang dimainkan oleh mereka.

Itu, menjadikan sumbangan keseluruhan bagi tahun ini adalah RM1.374 juta kepada 2,289 orang guru agama dan guru al-Quran.

Dalam perkembangan lain, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), *Penang Muslim Student Association* (PISA), Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ) dan Pusat Usahawan Peniaga Muslim Pulau Pinang atas penganjuran karnival tersebut.

Forum Hal Ehwal Islam, Seminar Perniagaan serta Malam Keseniaan Islam antara program menarik sepanjang dua hari karnival tersebut yang disertai lebih 3,000 hadirin.




DON Daniyal Don Biyajid (tiga dari kiri) bersama Mohd. Salleh Man (kanan sekali) dan Norazman Abdul Samat (dua dari kiri) pada majlis gimik pelancaran Ikon ZPP di sini baru-baru ini.

# Mandat KN mampu kekalkan 465 penduduk di Bkt. Gelugor - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang bersedia untuk memperbaharui atau melanjutkan tempoh tanah pajakan dari 40 tahun kepada 99 tahun seperti dimohon 465 penduduk berwajib Bukit Gelugor sekiranya Pakatan Rakyat (PR) terus diberi mandat memerintah Kerajaan Negeri hingga tahun 2052.

"Kita akan meluluskan permohonan untuk melanjutkan (tempoh tanah pajakan) hingga ke-99 tahun, tetapi, syaratnya mesti membayar perbezaan premium (tanah pajakan 40 tahun kepada 99 tahun selepas permohonan diluluskan).

"Sekiranya kita (PR) terus memerintah sehingga (tahun) 2052, ini tiada masalah kerana kita (Kerajaan Negeri) akan melanjutkan (tempoh pajakan tanah) secara automatik.

"Tetapi, kalau kita bukan lagi menjadi Kerajaan Negeri ini, saya tak tahu lah kerana Kerajaan (Negeri) BN tiada dasar sedemikian," ujar beliau di Komtar di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan, Penerangan dan Warisan berkata demikian sebagai reaksi pada kebimbangan diluahkan Naib Presiden Persatuan Penduduk Bukit Gelugor, M. Ganesh di media arus perdana baru-baru ini.

"Kalau luput (status pajakan tanah asal), kita akan (memberi) diskaun 90 peratus, penduduk perlu bayar 10 peratus (premium)...kita akan meluluskan permohonan untuk melanjutkan (tempoh tanah pajakan) hingga ke-99 tahun.

"Sehingga kini, kita (Kerajaan Negeri) masih belum menerima apa-apa permohonan.

"Sekiranya ada permohonan, saya akan mencadangkan kepada (mesyuarat) Exco supaya kita (Kerajaan Negeri) akan mengenakan premium 10 peratus kepada yang luput sahaja," ujarnya.

Difahamkan, pelaksanaan premium diskaun 90 peratus telahpun dilaksanakan di kampung warisan, kampung baru serta ladang-ladang sebelum ini.

Terdahulu, Ganesh dilaporkan bertanya mengenai rancangan Kerajaan Negeri untuk melanjutkan tempoh tanah pajakan yang dikenalpasti hampir tamat tempoh.

Beliau mendakwa Guan Eng pada tahun 2008 dilaporkan pernah mengumumkan pemilik tanah pajakan kediaman di negeri ini boleh memohon daripada Kerajaan Negeri untuk menukar status tanah mereka pada pegangan bebas *(free hold)*.

Dalam perkemangan sama, Ganesh berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri dalam Mesyuarat ke-66 Majlis Tanah Negara pada 1 Disember 2010 turut dilaporkan berkata, semua Kerajaan Negeri boleh meluluskan permohonan untuk memperaharui atau melanjutkan status tanah pajakan tidak melebihi 99 tahun, melainkan untuk tujuan kepentingan awam.

Bagaimanapun, Guan Eng berkata, Pusat melalui Majlis Tanah Negara belum mengeluarkan sebarang ketetapan rasmi seperti yang dinyatakan oleh Muhyiddin.

"Tanah kekal *(free hold),* kita (Kerajaan Negeri) memang ada hasrat, tetapi, Kerajaan Pusat tidak benarkan kerana menurut mereka, perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Tanah Negara dan belum ada keputusan rasmi," jelas Guan Eng lagi.

# Tender terbuka bina 707 rumah mampu milik

**BAGAN -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini mengumumkan tender kepada pemaju berminat dengan projek pembinaan dua blok rumah mampu milik berketinggian 25 tingkat atas sebidang tanah berkeluasan 3.56 hektar di Kampung Jawa di sini.

Pengerusi PDC Properties Sdn. Bhd., Wong Hon Wai berkata, kedua-dua blok tersebut masing-masing terdiri daripada 353 unit rumah sederhana rendah dan 354 unit rumah kos sederhana.

Beliau berkata, projek yang dicadangkan itu dilengkapkan dengan empat tingkat parkir, serta 17 lot kedai, surau dan dewan orang ramai pada tiga tingkat lain.

Tidak cukup dengan itu, Hon Wai berkata, kemudahan seperti tadika, kawasan rekreasi, dewan serbaguna serta pagar kawasan perumahan turut melengkapi kemudahan awam dicadangkan.

Hon Wai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam berkata, tarikh tutup permohonan tender terbuka projek tersebut adalah pada 16 Disember depan.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan memilih kontraktor yang sesuai selepas tarikh tutup dan berharap projek ini akan bermula pada Januari 2014.

"Pihak yang berminat perlu menghadiri taklimat tapak pada 18 November pada pukul 10 pagi di Bilik AV, Tingkat 2, Bangunan PDC di Bayan Baru," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.




**LAKARAN grafik projek pembinaan dua blok rumah mampu milik berketinggian 25 tingkat di Kampung Jawa di sini.**

# Bantuan Pendaftaran IPTA – pelajar diploma turut layak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri meluluskan 2,454 permohonan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan jumlah peruntukan RM2,454,000 bagi tahun ini.

Lanjutan itu, melalui program Sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA Kerajaan Negeri, setiap pelajar terbabit layak mendapat RM1,000.

Daripada jumlah tersebut, pecahan permohonan berjaya mengikut daerah adalah seramai 544 pelajar dari Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (297), Daerah Seberang Perai Utara (707), Seberang Perai Tengah (635) dan Seberang Perai Selatan (271).

Jumlah tersebut adalah merangkumi pelajar peringkat ijazah sarjana muda dan diploma.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, bagi meringankan beban yuran dan keperluan persediaan awal, Kerajaan Negeri membuka permohonan i-BiTA kepada pelajar peringkat diploma bermula 21 Mei hingga 1 Julai lalu dan majlis penyampaian telah diadakan pada 3 Ogos lalu.

"Dengan pemberian ini, diharap dapat membantu mengurangkan beban ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke universiti.

"Dalam pada itu, saya sangat berharap iu bapa yang berada di sini akan memainkan peranan bagi memastikan anak-anak mereka yang telah berjaya kelak untuk pulang semula ke Pulau Pinang bagi mencurahkan bakti kepada negeri ini," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA Tahun 2013 Peringkat Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.



**MUHAMMAD Yusoff Wazir.**

Sementara itu, dalam majlis penyerahan sumbangan sama peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir turut menyeru para pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh demi mencapai keputusan cemerlang di peringkat universiti.

"Menamatkan pengajian dengan lulus biasa adalah tidak cukup ekoran persaingan pasaran kerja tinggi kini.

"Pelajar tidak seharusnya berpuas hati dengan ijazah sarjana muda semata-mata, sebaliknya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan doktor falsafah," jelas beliau.



**AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon (kiri sekali) bergambar kenangan dengan sebahagian penerima peringkat Daerah SPT.**



**KETUA Menteri beramah-mesra dengan salah seorang penerima Sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA Kerajaan Negeri peringkat SPS di sini baru-baru ini.**



**ZULQARNAIN Mohd. Ilias, 22, pelajar tahun satu jurusan *English for Professional*, USM dekat sini.**

"Pendaftaran baru-baru ini, yuran saya bayar sendiri hasil daripada pendapatan yang saya peroleh semasa buat kerja sambilan.

"Alhamdulillah, hari ini saya peroleh semula duit tersebut dan akan menggunakannya sebaik-baiknya untuk membeli kelengkapan pembelajaran," ujar Zulqarnain yang pernah menuntut di Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM) Arau, Perlis.



"Saya sangat teruja dan gembira apabila menerima sumbangan ini.

"Alhamdulillah, dengan jumlah RM1,000, bolehlah menampung keperluan saya terutama sekali pembelian buku-buku ilmiah untuk semester ini," ujarnya yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan bergelar doktor kelak.

**EMMY Emera Barhath, 19, pelajar tahun satu, jurusan Biologi Gunaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.**



"Terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri.

"Wang ini akan saya belanjakan untuk Tahun Baru Cina yang akan datang dan membeli kelengkapan belajar," ujar pelajar Kejuruteraan Bahan, USM tersebut.

**TAN Jia Sheng, 20.**

# MoU projek perumahan Jalan S.P. Chelliah ditandatangani

Gambar oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU** - Perjanjian persefahaman (MoU) projek perumahan mampu milik di Lot 1053, Seksyen 10, Jalan S.P. Chelliah, George Town ditandatangani dalam majlis ringkas namun penuh bermakna di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Pihak-pihak yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebagai pemilik tanah, PDC sebagai pengurus projek dan syarikat Zubicon Sdn. Bhd. sebagai pemaju kepada projek perumahan 1,900 unit rumah di atas tanah berkeluasan 11.04 ekar.

Majlis menandatangani MoU antara tiga pihak berkenaan disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Projek yang akan dimulakan dalam jangka masa terdekat itu dijangka siap dalam masa empat tahun iaitu November 2017.

Berhubung projek tersebut, sebanyak 770 unit kos rendah berkeluasan 700 kaki persegi (RM72,500), 883 unit rumah berkeluasan 800 kaki persegi (RM200,000), 165 unit berkeluasan 900 kaki persegi (RM300,000) dan 82 unit berkeluasan 1,000 kaki persegi (RM400,00) bakal dibina.

Kos keseluruhan projek tersebut berjumlah RM85 juta, iaitu jaminan sumbangan kewangan (GMC) berjumlah RM60 juta dan RM25 juta baki adalah tambahan tawaran bagi kemudahan awam seperti *Chelliah Park City* yang akan dilengkapkan dengan '*linear park*', kawasan hijau, terminal bas awam, laluan basikal dan pejalan kaki serta rekaan bentuk fizikal kediaman memenuhi justifikasi *Green Building Index* (GBI) berkelas *'Gold'* seperti penyediaan pusat kitar semula. Turut dibina ialah sebuah surau untuk kemudahan umum.




**PENGURUS Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar (depan, empat dari kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian dalam Majlis Menandatangani MoU Projek Perumahan di Jalan S.P. Cheliah, George Town baru-baru ini.**

# Wira perang dikenang

**DIKENANG...** Pada tanggal 11 November saban tahun, jasa wira-wira Perang Dunia Kedua yang terkorban dikenang menerusi majlis peringatan sebagai tanda penghormatan yang diadakan di sini.

Tanpa mengira perbezaan fahaman politik, ahli-ahli dari parti-parti berbeza bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diketuai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkumpul bersama pada majlis berkenaan baru-baru ini.

Dipercayai kira-kira 66 beg mengandungi abu mayat beberapa ratus wira yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua ketika pencerobohan Jepun telah disemadikan di Memorial Perang tersebut yang terletak di bulatan menghala ke Bukit Bendera di sini.

Malah, memorial berukuran 49 kaki tinggi dan 60 kaki lebar dibina pada tahun 1951 tersebut juga dinobat sebagai salah satu destinasi pelancongan bersejarah di negeri ini.




**KETUA Menteri mengetuai barisan kempimpinan Kerajaan Negeri memberi penghormatan kepada wira-wira Perang Dunia Kedua yang terkorban di sini baru-baru ini.**

# Anugerah Hijau – SK Permatang To' Kandu pertahan gelaran

oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Kemenangan dua tahun berturut-turut termasuk tahun ini pada pertandingan Anugerah Hijau Peringkat Negeri Pulau Pinang menyuntik semangat Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah (SPT) untuk terus menambah baik inovasi sedia ada dan mengekalkan kemenangan pada penganjuran akan datang.

Kegirangan tersebut disuarakan guru besar sekolah terbabit, Mohd. Shukri Abd. Rahman kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kemenangan tersebut adalah hadiah kepada semua kakitangan sekolah dari peringkat bawahan sehingga atasan dan tidak terkecuali kepada semua warga pelajar sekolah.

Jelas Mohd. Shukri, sekolahnya memenangi kemenangan berganda iaitu Johan peringkat negeri bagi dua tahun berturut-turut (2012 dan 2013) dan Anugerah Sekolah Hijau di peringkat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga pada tempoh sama.

"Semua ini adalah hasil usaha dan pembabitan guru, jawatankuasa serta para pelajar.

"Kami akan gunakan hasil hadiah ini sebaik mungkin dalam menambaik keperluan inovasi hijau yang baru dan lama.

"Lanjutan itu, lawatan juga akan diadakan bagi menjalin hubungan mesra di antara sekolah-sekolah yang berjaya dengan harapan idea dan teknologi dapat ditukar pakai," jelasnya pada Majlis Perasmian Anugerah Hijau 2013 di Komtar baru-baru ini di sini.

Menurutnya, kejayaan berkenaan bermula pada tahun 2010 apabila beliau mendapat idea untuk mewujudkan taman-taman mini di persekitaran sekolah.

"Jawatankuasa pelaksana ditubuhkan pada 2011 bagi menggerakkan semua program hijau dengan lancar," ujar Mohd. Shukri.

Sekolah Kebangsaan Permatang To'Kandu sebelumnya juga pernah mengungguli pingat gangsa (2011) bagi Anugerah Sekolah Hijau Peringkat MPSP dan Anugerah Sekolah Lestari Rakan Alam Sekitar peringkat kebangsaan.

Naib Johan bagi kategori sekolah rendah dimenangi Sekolah Kebangsaan Sungai Rusa manakala, kategori sekolah menengah, Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (Johan) dan Sekolah Menengah Han Chiang (Naib Johan).




**PARA pelajar dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu bergambar bergambar bersama-sama Phee Boon Poh (kiri sekali) dan Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) selepas diumumkan sebagai juara dalam Majlis Anugerah Hijau 2013 peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, menurut Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Insentif Inovasi Hijau Pulau Pinang untuk menggalakkan inovasi dalam penyelesaian kemampanan alam sekitar yang berdaya maju dan terpakai untuk menangani degradasi alam sekitar atau kurang jejak karbon.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengurus Besar *Penang Green Council* (PGC), Thing Siew Shuen.




**PARA pemenang bergambar kenangan.**

Bersempena majlis tersebut, turut diadakan adalah Anugerah Video Hijau dan Kewartawanan Hijau meliputi empat kategori iaitu segmen Bahasa Melaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Pelaporan berita bagi kategori Bahasa Malaysia dimenangi M. Gokina Morganan dari akhbar Sinar Harian, Oh Chin Eng (Bahasa Inggeris) dan Oon Khar Yong (Bahasa Cina).

Penulisan rencana masing-masing dimenangi M. Gokina Morganan (Bahasa Melayu), Christina Chin Swee Gaik (Bahasa Inggeris) dan Por Lee Yen (Bahasa Cina).

Manakala bagi Anugerah Video Hijau, tempat pertama dimenangi Jack Ng Wei Kiat yang membawa pulang wang tunai RM5,000, kedua Mohammad Hashril Ashman Mohammad Izar (RM4,000) dan Ch'ng Beng Chian tempat ketiga (RM3,000).

# K. Devan jurulatih baru 'Harimau Kumbang'

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU** - Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) melantik jurulatih pasukan baru, K. Devan bagi menggantikan Merzagua Abderrazak sebelum ini.

Lantikan Devan, 52, yang sebelum ini pernah menjadi jurulatih pasukan negeri Selangor dan Negeri Sembilan adalah bagi melatih skuad bola sepak negeri sebagai persediaan mengharungi Liga Perdana 2014.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika memperkenalkan Devan menyifatkan bahawa lantikan tersebut adalah langkah awal Pulau Pinang dalam menaikkan semula mertabat dan zaman kegemilangan skuad yang mendapat nama jolokan 'Harimau Kumbang'.

“Suka atau tidak, walaupun sukar, langkah pertama haruslah diambil bagi hasil yang terbaik di masa depan.

“Kreadibiliti yang ditunjukkan Devan dalam membimbing pasukan-pasukan sebelum ini diharap turut dapat memberikan satu suntikan baru terhadap pasukan Pulau Pinang apabila beraksi di Liga Perdana 2014 musim hadapan.

“Ini adalah ekoran kejayaan menjuarai Liga FAM tahun ini,” ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut diperkenalkan pada majlis tersebut adalah jurulatih kecergasan, Leonardo Azevedo yang berasal dari Brazil. Beliau akan berganding bahu bagi menguatkan barisan kejurulatihan pasukan FAP.

Pada majlis sama, Guan Eng turut memperkenalkan enam pemain baru iaitu G. Mahathevan, Mohammad Rafiuddin Roddin, Khairul Amri Salehuddin, Muhamad Zamri Chin, Hariri Mohd Safii dan Lew Han Hung.

Tambah Guan Eng yang mewakili pihak Kerajaan Negeri, turut berjanji akan memastikan bayaran gaji para pemain dibayar mengikut tempoh ditetapkan dengan tiada kelewatan.

Dalam pada itu, Devan ketika ditemui jelas gembira apabila diberi kepercayaan membimbing pasukan Pulau Pinang dan menganggap amanat untuk mengembalikan zaman kegemilangan skuad berkenaan adalah satu cabaran yang hebat.



LEONARDO Azevedo.



K. Devan.

“Saya amat berbangga apabila terpilih.

“FAP mempunyai sejarah pasukan yang hebat, malah, sokongan padu peminat juga amat ketara di samping persekitaran Pulau Pinang yang baik serta pemain-pemain yang mewakili skuad ini terdiri daripada pelbagai kaum,” ujarnya.

Ketika ditanya mengenai cakap-cakap laman sosial yang mempertikaikan pemilihan beliau, Devan nekad membuktikan bahawa persepsi pihak-pihak tersebut adalah salah.

“Saya sedaya-upaya akan membimbing Pulau Pinang ke tahap terbaik dan kalau boleh, memang kita hendak layak bermain di Liga Super pada musim berikutnya,” sahut beliau.

# Produk asas tani PP serta pameran kebangsaan

**USAHAWAN...** Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2013 yang berlangsung di Kuantan, Pahang baru-baru ini membuka ruang kepada segenap lapisan usahawan Industri Asas Tani mempromosikan produk masing-masing.

Tidak ketinggalan, produk usahawan Industri Asas Tani di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang mempamerkan produk bakeri berasaskan durian, pes asam laksa dan pes perencah serbaguna.

Turut hadir pada Majlis Pelancaran Produk Usahawan Bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sempena sambutan tersebut adalah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Vaterinar Pulau Pinang, Dr. Johari Abu Bakar.



**DR. Afif Bahardin (kiri sekali) meneliti produk hasil industri asas tani yanag dipamerkan sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2013 di Kuantan, Pahang baru-baru ini.**

# Pertingkat interaksi KN & pelajar berada luar negara

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**LONDON –** Interaksi kepimpinan negeri dengan rakyat Malaysia yang berada di luar negara, khususnya pelajar akan terus dipertingkatkan, kata Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan dialog bersama pelajar Malaysia di *London Schools of Economics and Political Science*, London di *Clement House* untuk berkongsi pengalaman serta isu-isu semasa yang hangat diperkatakan dalam negara.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan memberitahu, hubungan sedia ada akan diperkukuhkan agar rakyat Malaysia yang belajar atau bekerja di luar negara tidak ketinggalan mendapat maklumat yang telus mengenai perkembangan terbaru serta isu semasa di tanah air.

"Malah, dalam dialog yang dijalankan, selain menjelaskan situasi sebenar sosio-ekonomi dan politik Malaysia, turut ditekankan adalah kepentingan penyertaan golongan belia dalam pelbagai aspek terutamanya lapangan pentadbiran.

"Banyak yang diperkatakan antaranya, berkaitan prinsip Kerajaan Negeri dalam memartabatkan urus tadbir Cekap, Akauntabiliti dan Telus serta pencapaian Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun lalu sehingga kini,'' jelasnya di sini baru-baru ini.

Turut serta bersama Mohd. Rashid adalah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Dialog bertemakan 'Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Rakyat' itu dihadiri 35 pelajar Malaysia di sini.

Dalam pada itu, menurut Afif, pihaknya juga berkesempatan menyentuh soal pentingnya mengangkat idea kebebasan, sistem demokrasi dan reformasi bagi menjana pencerahan minda rakyat Malaysia.



MOHD. Rashid Hasnon (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pelajar Malaysia di London sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (duduk, kiri) pada sesi bersama pelajar Malaysia di *London Schools of Economics and Political Science*, baru-baru ini.

## Karnival tiga elemen buka peluang niaga, santai rakyat

oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI –** Karnival Santai Rakyat, Usahawan dan Koperasi 2013 yang mencantumkan tiga elemen dalam satu penganjuran bertujuan membuka peluang jaringan perniagaan kepada usahawan dan koperasi tempatan untuk lebih berdaya saing serta berkembang.

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon ketika menghadiri majlis sambutan tersebut peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Selain itu, katanya yang juga Exco Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan, ia juga bertujuan mendekatkan semua lapisan masyarakat dalam bidang koperasi dan keusahawanan.

"Pada masa sama, pemupukan perasaan muhibah dan perpaduan antara penduduk setempat juga dapat dipupuk menerusi pengisian pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival ini," ujarnya.

Karnival Santai Rakyat, Usahawan dan Koperasi 2013 Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang berlangsung di Padang Awam Jawi di sini dianjurkan selama 10 hari ekoran sambutan menggalakkan sebelum ini.

Pelbagai acara menarik diadakan termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, gerai pameran agensi-agensi kerajaan, gerai jualan usahawan dan koperasi serta pertunjukan seni bela diri silat dan *muay thai* dalam program anjuran Pejabat Timbalan Ketua Menteri I dengan kerjasama Pejabat Daerah SPS dan syarikat *ZHB Entertainment*.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) dan Mansor Othman (kiri sekali) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pengunjung pada penganjuran Karnival Santai Rakyat, Usahawan dan Koperasi 2013 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Maktar Shapee, Datuk Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) dan Rohani Hassan (Pegawai Daerah SPS).

Dalam pada itu, Mansor memberitahu, penganjuran karnival tersebut merupakan satu usaha murni yang dilaksanakan Kerajaan Negeri di samping program-program kesejahteraan seperti Program Warga Emas dan Pelajar Emas demi kebajikan rakyat.

"Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan pelbagai program untuk setiap golongan sasar tanpa jemu.

"Inilah teras perjuangan kita, di samping prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang dijunjung," jelas beliau.




KETUA Menteri bersama barisan Exco dan wakil-wakil penerima sumbangan memegang replika cek pada majlis penyampaian yang diadakan bersempena Majlis Rumah Terbuka Deepavali PDC baru-baru ini.

## Dua rumah kebajikan terima sumbangan

**AMAL...** Sebanyak dua rumah kebajikan menerima sumbangan khas pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini.

Rumah-rumah tersebut adalah *Shan Children's Home* dan Pusat Jagaan Sinar Ceria. Malah, bagi memeriahkan majlis, para penghuni turut serta dalam majlis sambutan ringkas tapi penuh meriah tersebut

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PDC.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

# Penduduk Farlim dapat dua taman baru

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR ITAM –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal melaksanakan Projek Pengindahan Tanah Lapang Briksa di tanah lapang yang sebelum ini diserahmilik pihak pemaju ketika pembangunan Bandar Baru Air Itam di sini.

Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, pelaksanaan projek di Farlim di sini bakal menjadikan tanah lapang berkenaan kepada dua buah taman mini untuk kegunaan penduduk tempatan.

"Majlis merancang untuk membangunkan dua taman tersebut berkonsepkan 'taman urbanisasi' dalam bandar.

"Tanah lapang Briksa ini merupakan satu-satunya taman di kawasan Farlim, maka, kita (MPPP) akan mengekalkan pokok-pokok teduhan besar sedia ada bagi mengindah dan memberi impak semulajadi di taman ini," ujarnya pada sesi lawatan kerja ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Fasa Projek Pengindahan Tanah Lapang Briksa tersebut bakal disediakan dengan keperluan alatan senaman, laluan basikal, laluan pejalan kaki, pagar sempadan, lampu taman serta kerja tanah dan pembersihan.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, tanah dengan keluasan kira-kira tujuh ekar tersebut bakal menjalani projek pengindahan membabitkan kos berjumlah RM649,930.00 dan ia dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini.

"Langkah yang diambil MPPP untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai sebuah lokasi riadah adalah disambut baik.

"Keperluan tanah lapang sekitar 10 peratus seperti yang disyaratkan kepada pemaju seharusnya diuruskan dengan cekap bagi memanfaatkan orang ramai serta penduduk sekitar dari ia dibiarkan begitu sahaja," ujar beliau.



**TANAH lapang yang bakal dijadikan dua buah taman mini di sini baru-baru ini.**

# *Hong Kong Express* ulang-alik setiap hari ke Pulau Pinang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS –** Kadar kemasukan pelancong ke negeri ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang (LTABPP) disasarkan meningkat kepada 15 peratus pada tahun hadapan.

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, kadar tersebut dijangka meningkat berdasarkan pengoperasian syarikat penerbangan tambang murah, *Hong Kong Express* buat julung kalinya ke Pulau Pinang mulai 14 November lalu.

"Tahun ini, Pulau Pinang berada di tempat ketiga dengan kadar peratusan sebanyak 13.7 iaitu di belakang Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur.

"Maka, dengan penerbangan setiap hari oleh *Hong Kong Express* ke sini, ia dijangka bakal menaikkan kadar kemasukan kepada 15 peratus,'' ujarnya pada Majlis Sambutan Ketibaan Pesawat Pertama Oleh *Hong Kong Express* Ke Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif *Hong Kong Express*, Andrew Cowen dan Pengurus Besar Kanan Operasi Khas Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB), Datuk Azmi Murad.



**RUPA bentuk pesawat *Hong Kong Express*.**

Menurut Cowen, Pulau Pinang adalah destinasi kelapan dalam pengoperasian baru *Hong Kong Express* dari jumlah 13 lokasi tersenarai setakat ini.

"Bagaimanapun Pulau Pinang adalah destinasi pertama yang mempunyai jadual penerbangan setiap hari.

"Saya juga meletakkan sasaran sebanyak 50,000 penumpang akan menggunakan perkhidmatan *Hong Kong Express* dalam tempoh setahun untuk ke Pulau Pinang.

"Ini akan membantu Kerajaan Negeri meningkatkan kadar kemasukan 15 peratus yang dinyatakan tadi," ujarnya.

Tambah Cowen, bertepatan dengan status penerbangan tambang murah, pihaknya mensasarkan pelancong yang pertama kali ingin mengunjungi Hong Kong.

"Mengenai pelan jangka pendek, kami menyasarkan untuk menambah laluan sedia ada kepada 25 laluan selain membeli enam pesawat *Airbus A320* pada tahun hadapan,'' jelas beliau.

# Kereta kabel tarikan baru Bukit Bendera

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT BENDERA -** Cadangan membina laluan alternatif kereta kabel dari Taman Perbandaran (juga dikenali sebagai Taman Belia) dan dari Teluk Bahang ke puncak Bukit Bendera bakal menjadi tarikan baharu pelancongan negeri ini sekiranya ia direalisasikan kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembinaan kereta kabel tersebut telah dirangkumkan dalam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera yang mula dipamerkan kepada umum mulai 14 November sehingga 11 Disember ini.

"Walau bagaimanapun, laluan alternatif yang dicadangkan belum diperincikan lagi dan tidak ditunjukkan perinciannya dalam pelan RKK.

"Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan kira-kira RM588,578 pada 2011 bagi penyediaan RKK Bukit Bendera ini termasuk RKK Taman Botani untuk mengenalpasti kaedah pengurusan terbaik dan mengenalpasti projek-projek yang sesuai dilaksanakan tanpa menjejaskan ekosistem di sini," ucapnya ketika hadir merasmikan Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Statistik menunjukkan peningkatan kehadiran pelancong yang ketara dari tahun ke tahun iaitu antara 8,000 hingga 10,000 pengunjung sehari terutama ketika musim cuti persekolahan.

Selain kereta kabel, turut dikenalpasti penambahbaikan *Summit Centre, Gate House* (Pusat Galeri dan Infomasi), pembangunan hotel dan chalet, pemuliharaan laluan pendakian dan mempromosi semula landskap Kediaman Yang di-Pertua Negeri (TYT), *Bel Retiro*.



PENGURUS Promosi dan Pemasaran Perbadanan Bukit Bendera, Baharin Annuar Abu Bakar (kiri) menunjukkan poster *Dinosaurs Alive@ Penang Hill* dekat sini baru-baru ini.

"Projek-projek yang dicadangkan ini bakal menjadi daya tarikan utama serta tambah nilai Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan unggul di rantau Asia.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa memberi perhatian utama pada aspek keseimbangan ekologi dalam perancangan dan pembangunan di sini memandangkan ianya terletak di kawasan sensitif," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau turut meminta orang ramai untuk mengemukakan sebarang pandangan sepanjang tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam berkenaan.

"Sebarang cadangan yang dikemukakan akan diajukan terus kepada Perbadanan Bukit Bendera untuk tindakan selanjutnya yang diurusetia oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)," katanya.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Datuk Abu Jamal Nordin, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Zainuddin Ahamad dan Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera, Dr. Lawrence Khoo.

Dalam program berlainan, beliau sempat meluangkan masa merasmikan maskot terbaru Bukit Bendera, TuPai dan program sempena cuti sekolah di Bukit Bendera, Dinosaurs *Alive@ Penang Hill* bermula 15 November hingga 31 Disember ini.

## TSG terbit buku sambut ulangtahun



KETUA Menteri dan Law Heng Kiang (berbaju batik merah jambu) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan TSG pada Majlis Ulang Tahun Ke-10 di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**TELUK BAHANG -** Bersempena sambutan ulang tahun ke-10, ikon eko-pelancongan di sini, *Tropical Spice Garden* (TSG) menerbitkan sebuah buku berjudul *Tropical Spice Garden: Asia's Hidden Eden* bagi mengetengahkan keunikan serta sejarah semulajadi negeri ini baru-baru ini

Pengarah TSG, Katherine Khoo berkata, TSG kini merupakan salah sebuah destinasi dan produk pelancongan bertaraf eko-pelancongan.

"Usaha-usaha berterusan yang dilakukan adalah berbaloi apabila melihat TSG kini berjaya muncul sebagai salah satu destinasi tarikan pengunjung ke Teluk Bahang.

"Terima kasih Kerajaan Negeri di atas sokongan berterusan yang diberikan terutamanya dalam sektor eko-pelancongan sehingga menjadikan TSG tarikan di peringkat antarabangsa," katanya pada Majlis Ulang Tahun Ke-10 di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir pada majlis tersebut sebagai jemputan kehormat.

Turut hadir, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang.

Dalam pada itu, Katherine memberitahu bahawa penerbitan buku tersebut juga merupakan penghormatan kepada sejarah Pulau Pinang yang dahulunya terkenal dengan perdagangan rempah.

## Ke arah Pulau Pinang mesra pejalan kaki

**GEORGE TOWN -** Pengguna jalan raya perlu lebih bertimbang rasa dan hormat pengguna jalan raya yang lain terutama terhadap keselamatan pejalan kaki di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pengguna jalan raya perlu sedar bahawa pejalan kaki adalah kumpulan yang sentiasa terdedah kepada bahaya dan perlu sentiasa diberi keutamaan.



SEBAHAGIAN murid-murid sekolah rendah sedang mendengar taklimat ringkas oleh wakil JKJR pada Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi sepenuhnya tumpuan terhadap penambahbaikan laluan pejalan kaki di Pulau Pinang demi keselamatan dan kemudahan pengguna jalan raya ini," katanya pada Majlis Penutupan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013.

Berdasarkan statistik dikeluarkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), secara purata 17 pengguna jalan raya mati akibat kemalangan setiap hari menjadikan jumlah keseluruhan 6,200 kematian setiap tahun.

Tahun lalu di Pulau Pinang, sejumlah 401 kematian dicatatkan dan kebanyakannya melibatkan penunggang motosikal.

Kajian *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS) juga menyatakan bahawa dengan satu kematian di jalan raya, kerajaan terpaksa menanggung kerugian sehingga RM1.2 juta dan menyebabkan negara kerugian RM7.5 bilion setahun sedangkan jumlah itu boleh digunakan untuk tujuan pembangunan.

Menurut Kon Yeow, bermula tahun ini sehingga 2015, Kerajaan Negeri menfokuskan aspek keselamatan jalan raya terutama kebolehsampaian semua pengguna jalan raya bagi mengurangkan kadar kemalangan jiwa.

"Ini termasuk meneliti semula semua laluan pejalan kaki agar ia selamat digunakan dan akan sentiasa memastikan laluan tersebut mesra pengguna tidak kira sama ada kepada golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas mahupun kanak-kanak.

"Saya percaya dengan bajet tahunan Majlis (Majlis Perbandaran Pulau Pinang – MPPP), Pulau Pinang mampu menjadi negeri yang selamat dan mesra pengguna terutamanya pejalan kaki," jelas beliau.

Tambah beliau, inisiatif tersebut adalah sejajar dengan Pelan Induk Pengakutan Pulau Pinang yang menjadi dasar Kerajaan Negeri sehingga menjelang tahun 2030.

Lebih 40 buah sekolah rendah dan sekolah menengah menyertai kempen yang julung kali diadakan di negeri ini.

Kempen tersebut dianjurkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, JKJR dan Kerajaan Negeri.

# Bersihkan rasuah pelancongan - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TELUK BAHANG -** Negeri Pulau Pinang bakal mengeluarkan sepucuk surat Ikrar Integriti Pelancongan membabitkan sektor terbabit sebagai langkah mengelakkan para pengusaha yang berkenaan menjalankan operasi secara tidak jujur.

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis meraikan Ulang Tahun Pertama Taman Tema *(Escape)* dan Upacara Pecah Tanah Pembinaan Taman Tema Air yang juga dikenali sebagai *Escape* Fasa II.

Menurut Guan Eng, Pengasas *Escape* yang juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif taman tema berkenaan sudah bergelumang dalam industri pelancongan selama 20 tahun.

Beliau, jelasnya sudah lali dengan tindakan isu memberi rasuah kepada orang ketiga bagi membawa pelancong ke sesebuah lokasi pelancongan.

"*Escape* membuktikan bahawa mereka mampu bersaing secara kompetitif tanpa menghulurkan rasuah kepada pihak-pihak tertentu.

"Hanya pihak yang tidak mampu bersaing berdasarkan merit akan mengguna taktik merasuah dan sistem kronisme bagi meraih bilangan pelancong yang banyak secara 'jalan belakang'.

"Justeru, saya menyeru kepada semua penggiat industri pelancongan di sini (Pulau Pinang) untuk tampil dan menyokong Ikrar Integriti Pelancongan ini bagi menjadikan negeri Pulau Pinang negeri pertama di Malaysia yang bebas penipuan dalam sektor pelancongan," katanya pada ucaptama majlis Ulang Tahun Pertama *Escape* dan Upacara Pecah Tanah Pembinaan *Escape* Fasa II di sini baru-baru ini.



ANTARA permainan mencabar yang terdapat di *Escape.*

Dalam tempoh setahun, *Escape* telah berjaya menarik seramai 150,000 pelancong dari dalam serta luar negara dan angka tersebut dijangka kian meningkat.

Dalam pada itu, majlis pecah tanah *Escape* Fasa II dirasmikan dengan simbolik menanam pokok di kawasan sekitar taman tema air yang dijangka siap pertengahan tahun hadapan.

## JKR diseru sedia pengkalan data jalan




LALUAN Jalan Pasar, Air Itam yang telah disiap diturap.

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri Air Itam, Wong Hon Wai menggesa Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya mewujudkan pengkalan data jaringan jalan di bawah seliaan pihak terbabit merangkumi nama, panjang dan maklumat jalan bagi memudahkan semua pihak membuat laporan serta rujukan sekiranya perlu.

Beliau berkata demikian ekoran kejadian kerosakan Jalan Pasar, Air Itam hingga Jalan Balik Pulau ekoran cuaca lembap serta hujan yang kerap berlaku kebelakangan ini.

"Baru-baru ini, hujan turun dalam jumlah yang banyak dan ini secara tidak langsung telah membuatkan jalan di sini berlubang agak teruk.

"Lanjutan itu, saya banyak menerima panggilan telefon daripada orang awam mengadu kerosakan teruk berlaku di jalan-jalan berkenaan yang juga di bawah selenggaraan JKR," katanya ketika meninjau kerja-kerja penurapan sepanjang laluan berkenaan di sini baru-baru ini.

Jalan sibuk sepanjang 650 meter berkenaan menghubungkan lokasi pelancongan terkenal Kek Lok Si dan Pasar Awam Air Itam.

Ekoran kerosakan tersebut, projek penurapan telah dijalankan dan mengambil masa tiga hari untuk disiapkan.

Dalam pada itu, Hon Wai turut menekankan bahawa sikap kontraktor syarikat utiliti yang mengambil ringan soal turapan semula selepas pelaksanaan kerja-kerja pengorekkan juga perlu diberi perhatian sewajarnya.

## Cegah kanser paru-paru KN gazet 6 zon

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJONG TOKONG –** Kerjasama semua pihak amat perlu dari semasa ke semasa bagi memperkasakan kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyakit kanser paru-paru yang menjadi ancaman nombor satu kepada kaum lelaki selepas kanser payudara yang menjadi pembunuh utama kaum wanita dalam negara.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai program *Charity Fun Walk* anjuran MMCH di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, peranan semua pihak amat diperlukan bukan sahaja untuk menarik perhatian masyarakat supaya prihatin dengan bahaya penyakit kanser paru-paru, malah untuk mengambil berat dalam isu berkaitan.

"Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah tampil dengan menggazetkan enam kawasan di sini sebagai zon larangan merokok di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan bertekad untuk mewujudkan lebih banyak zon berkenaan terutama di kawasan menjadi tumpuan awam," ucapnya dalam perasmian program *Charity Fun Walk* anjuran Hospital Kanser Mount Miriam (MMCH) dekat sini baru-baru ini.

Program *Charity Fun Walk* diadakan sempena meraikan bulan November sebagai Bulan Kesedaran Kanser Paru-paru di samping memberi pendedahan kepada umum mengenai bahaya penyakit tidak berjangkit (NCD) berkenaan.

Seramai kira-kira 300 peserta dari pelbagai latar belakang menyertai acara berjalan sejauh tiga kilometer tersebut.

Menurut Afif, hal tersebut adalah bagi melindungi mereka yang tidak merokok terutama wanita dan kanak-kanak dari bahaya asap rokok basi.

"Kajian yang dijalankan mendapati bahawa lebih 70 peratus dewasa terdedah kepada asap rokok basi di tempat awam.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# IBIDEN jadikan negeri pusat terbesar di Asia

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Langkah Ibiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd. (IBIDEN) yang dalam proses menyiapkan pelan kedua di Taman Sains Pulau Pinang, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) pada September tahun depan dengan jumlah pelaburan RM1.3 bilion merupakan yang terbesar bagi pihak berkenaan.

Jumlah tersebut menurut Pengarah Urusan IBIDEN, Sataro Ito adalah kira-kira 50 peratus daripada jumlah pelaburan kumpulan untuk tahun 2014.

"IBIDEN akan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusatnya yang terbesar di Asia dan ini adalah satu keyakinan kami terhadap negeri ini yang menyediakan suasana perniagaan yang kondusif berserta kehadiran tenaga kerja berkemahiran.

"Pembukaan pelan baru itu sudah pastinya akan menjanjikan 1,500 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang berkemahiran dalam pelbagai bidang dikehendaki,'' katanya pada Majlis Pengumuman Pembukaan Pelan Baru IBIDEN di sini baru-baru ini.




KETUA Menteri berjabat tangan dengan Sataro Ito (empat dari kiri) pada Majlis Pengumuman Pembukaan Pelan Baru IBIDEN di sini baru-baru ini.

Turut serta pada majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Sataro memberitahu, operasi kilang tersebut akan menumpukan kepada pengeluaran papan pendawaian elektronik (PWB) berprestasi dan berteknologi tinggi untuk kegunaan telefon pintar serta barangan elektronik lain yang akan meningkatkan rangkaian komunikasi 4G.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap dengan pembukaan pelan baru tersebut, ia akan menjanjikan masa depan yang baik kepada sektor industri di Pulau Pinang.

"Saya menyeru kepada rakyat Pulau Pinang supaya merebut 1,500 peluang pekerjaan yang sedang ditawarkan,'' ujarnya sambil mengucapkan terima kasih kepada Sataro atas kepercayaan yang diberikan kepada negeri dalam usaha meluaskan sektor industri mereka.

# Pertemuan singkat tapi bermakna



HOLGER Michael.

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**USAHASAMA...** Duta Besar Jerman ke Malaysia, Holger Michael dan Konsul Jeneral Jerman, Datuk Herbert Weiler melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Walaupun merupakan pertemuan singkat, namun, ia cukup bermakna bagi kedua-dua pihak apabila perbincangan membabitkan usahasama diketengahkan.

Serentak itu, Guan Eng juga mempelawa negara Jerman supaya dapat turut serta mempromosikan budaya negara berkenaan di negeri ini antaranya, menerusi acara tahunan, *Penang October Fest* yang lazimnya turut disambut meriah oleh kepelbagaian masyarakat di sini.

# Alu sebarang perancangan asal perjuang kebajikan rakyat - KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN-** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Miles Kupa di sini baru-baru ini.

Dalam pertemuan selama sejam itu, Guan Eng dan Kupa diberi taklimat ringkas berhubung perkembangan ekonomi dan sosial serta peluang-peluang pelaburan di negeri ini oleh salah seorang pegawai khas di sini.

Hadir sama, Konsul Kehormat Australia ke Pulau Pinang, Datuk Vincent Loh dan Setiausaha Kedua, Elizabeth Wright.

Selain memberi fokus ke arah usaha mempererat kerjasama dalam pendidikan tinggi serta menarik pelabur dari Australia ke Pulau Pinang, isu-isu politik semasa turut disentuh dalam pertemuan berkenaan.

Guan Eng berkata, tidak semua perancangan yang dibuat Kerajaan Persekutuan ditolak Kerajaan Negeri sekiranya ia mampu memberi manfaat kepada sebahagian besar rakyat di Pulau Pinang.



KETUA Menteri berjabat tangan bagi menyambut kedatangan Miles Kupa ke pejabatnya di sini baru-baru ini.

Malah, katanya, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang perancangan Kerajaan Persekutuan sekiranya ia menepati dasar Kerajaan Negeri yang memperjuangkan kebajikan rakyat.

Dalam pada itu, Kupa turut menyuarakan bahawa beliau berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dasar, polisi dan perancangan Kerajaan Negeri pada masa hadapan sungguhpun tempoh perkhidmatan beliau tamat pada Disember ini.

# PP komited capai status Hijau dan Bersih

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI** - Hari Kitar Semula Kebangsaan disambut meriah di peringkat negeri Pulau Pinang dengan pelbagai aktiviti dijalankan bagi memupuk nilai murni itu dalam kalangan penduduknya di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Tuan Chow Kon Yeow semasa merasmikan majlis tersebut berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik sambutan kitar semula dalam usaha negeri ini mencapai matlamat Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Kerajaan Negeri menghargai penglibatan semua pihak sama ada orang ramai, komuniti mahupun syarikat swasta dalam menjayakan usaha murni ini.

"Tanpa penyertaan daripada komuniti dan masyarakat, usaha ini amat sukar dijalankan jika hanya mengharapkan penglibatan daripada pihak Kerajaan Negeri sahaja," katanya pada majlis sambutan Hari Kitar Semula Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow (depan, dua dari kiri) mendengar penjelasan berhubung inisiatif kitar semula pada majlis sambutan Hari Kitar Semula Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pelbagai program telah diperkenalkan Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi mengurangkan penghasilan sisa buangan di negeri ini.

"Antaranya adalah konsep tiada sampah, iaitu menukarkan penghasilan sampah ini menjadi suatu sumber yang berguna.

"Konsep ini dapat dicapai dengan mengitar semula sisa bahan pepejal seperti kertas, plastik dan tin minuman atau mengasingkan sisa bahan basah untuk dijadikan kompos atau biogas," ujarnya.

Pada sambutan tersebut, Kon Yeow turut merasmikan Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Jawi.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Sr. Hj. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan tiga ahli majlis bagi MPSP, Tan Cheong Heng, Loh Joo Huat dan H'ng Mooi Lye.

Menurut Rozali, MPSP sentiasa aktif menghadiri forum-forum antrabangsa bagi menangani isu sisa pepejal.

"Daripada penglibatan MPSP dalam forum antarabangsa itulah kita mendapat idea untuk menganjurkan program-program memelihara dan memulihara alam sekitar.

"Dengan penganjuran aktiviti-aktiviti seperti *urban farming*, *zero waste composting*, kitar semula dan gotong-royong kebersihan, MPSP berjaya mencapai kadar kitar semula sebanyak 32 peratus berbanding sasaran hanya 31 peratus," jelas beliau.

Sementara itu, turut diadakan adalah Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau MPSP di Perai baru-baru ini.

Sebanyak 86 buah sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai menyertai program berkenaan dan dinilai melalui 10 kriteria antaranya, penggunaan sisa makanan, penggunaan minyak masak terpakai, penanaman pokok, penjimatan tenaga dan pengurangan beg plastik.

**Tarikh Tutup: 31 Disember, 2013**

## ASIAN REGIONAL CONFERENCE

Gender Responsive Budgeting (GRB) Narratives:
Transforming Institutions, Empowering Communities
24th – 25th February 2014
Bayview Hotel Georgetown Penang, Malaysia

## REGISTRATION FORM

*You can register online or please fill in this form.*

Name :

Address :

Organisation/ Institution :

Job Title :

Telephone :

Email :

***Please fax this form to***:
GRB Conference, (+60 4) 261 2839

***Or send to***
PWDC GRB CONFERENCE
TG6 & TG7 Level 47,
KOMTAR, 10503 Penang,
Malaysia

For more information and for online registration, please go to: www.grb-pwdc.org.my

PWDC Penang Women's Development Corporation
UN WOMEN United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women

## Mesin sisa komposit proses sisa domestik kepada baja

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** - Inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mempergiatkan kaedah pemprosesan makanan kepada bahan cecair untuk digunakan sebagai baja tanaman berjaya mengurangkan sisa domestik harian terkumpul dari 650 tan metrik kepada 520 tan metrik tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, menerusi inisiatif tersebut, ia akan dapat mengurangkan masalah serangga perosak serta sisa makanan dan menjimatkan kos mengutip serta memusnahkan sisa makanan.



BEBERAPA sukarelawan menunjukkan demonstrasi penggunaan mesin komposit sambil diperhatikan Rosli Jaafar (kanan sekali) dan Lau Keng Ee (tengah, berbaju kuning) pada Majlis Pelancaran *Bio-Regen Food Conversion Unit* di Pasar Awam Campbell di sini baru-baru ini.

"Sehingga kini, hanya Pasar Awam Pulau Tikus, Pasar Awam Bayan Baru dan Pasar Awam Lebuh Campbell yang dilengkapi dengan mesin sisa komposit.

"Justeru, pihak majis dalam usaha melengkapi keseluruhan pasar basah di negeri ini dengan mesin tersebut pada masa akan datang," katanya pada Majlis Pelancaran *Bio-Regen Food Conversion Unit* di Pasar Awam Campbell di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Turut hadir, ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

# Inisiatif KN mampu arusperdana penglibatan wanita



(Dari kiri), Dr. Norlela Arifin, Lim Siew Khim, Yap Soo Huey, Maimunah Mohd. Sharif dan Chong Eng sempat merakamkan gaya istimewa ketika sesi interaksi pada Dialog NGO Wanita Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Bagi membendung beberapa isu keganasan yang menimpa wanita selain mengarusperdanakan penglibatan wanita dalam pelaksanaan dasar-dasar penting, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita negeri mengambil inisiatif menganjurkan dialog khas di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, kerjasama antara Kerajaan Negeri dan NGO wanita amatlah digalakkan berhubung isu terbabit.

"Isu yang menuntut perhatian kita pada hari ini adalah keganasan terhadap wanita seperti rogol, ragut, dera dan bunuh selain memberi pendedahan kepada wakil-wakil NGO yang hadir tentang program-program yang telah disusunatur Kerajaan Negeri melalui PWDC," ucapnya ketika merasmikan Dialog NGO Wanita Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Arifin, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan.

Sesi dialog dihadiri kira-kira 120 wakil-wakil NGO wanita Pulau Pinang turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti interaktif dan interaksi dua hala yang menggalakkan percambahan idea dalam kalangan wakil-wakil NGO yang hadir.

Menurut Chong Eng, selain isu keganasan dan jenayah, dialog tersebut turut menyentuh isu penglibatan wanita dalam pasaran kerja yang mampu membawa perspektif baharu di Pulau Pinang.

"Jurang gender dalam sosioekonomi yang dibentuk oleh halangan budaya dan pembahagian tugas mengikut gender harus dikurangkan kerana kesamarataan gender zaman kini adalah mustahak terutama dalam pembuat keputusan dasar.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri melalui PWDC telah memperkenalkan pelbagai inisiatif antaranya Bajet Responsif Gender (BRG) yang merupakan suatu pendekatan membuat bajet dan dasar mengikut keperluan berbeza untuk kelompok masyarakat yang berbeza," ujarnya.

Terbaru, ulas beliau, Kerajaan Negeri turut mengadakan bengkel *'Lean-In @Penang'* untuk wanita di peringkat eksekutif dan berkerjasama dengan Tenaganita bagi menjayakan kempen *'Domestic Work is Work'*.

"Kedua-dua program tersebut adalah sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf dan memartabatkan wanita.

"Briged Wanita Pulau Pinang, Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang Perai), Pusat Jagaan Kanak-kanak (Padang Tembak) dan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-kanak adalah antara inisiatif ulung yang diperkenalkan Kerajaan Negeri khas untuk wanita," jelas Chong Eng.

## Beramal sambil beriadah



AKSI tiga pengayuh basikal yang memeriahkan penganjuran Karnival LP Mountain Bike 2013 di sini baru-baru ini.

**MERIAH...** Seramai 1,700 pengayuh basikal dari seluruh negara menyertai acara *Mountain Bike Jamboree* sejauh 54 kilometer melalui jalan sekitar Bukit Mertajam, sempadan negeri Kedah, Sungai Lembu dan kembali semula ke garisan penamat dekat Stadium Mini Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Acara selama dua hari yang turut menyediakan 40 khemah pameran, pertunjukan kereta dan motosikal, permainan untuk kanak-kanak dan program mengumpul derma melalui belon udara panas merupakan salah satu pengisian program bersempena penganjuran Karnival LP Mountain Bike 2013 anjuran *LP MTB Club* dengan kerjasama MPSP.

Penganjuran tersebut merupakan anjuran kali keempat kelab berkenaan pada setiap dua tahun dan merupakan salah satu acara berbasikal terbesar di wilayah utara tanah air.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan karnival itu memuji inisiatif yang diambil oleh pihak penganjur bagi mempromosikan aktiviti riadah sihat kepada penduduk di negeri ini sejajar dengan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Jawi) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP).

## *City Walk 1.1.14* had penyertaan 7,000 peserta




AR. Patahiyah Ismail (kiri sekali) menunjukkan kemeja T yang bakal diedarkan kepada para peserta *City Walk 1.1.2014* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Penganjuran program tahunan berbentuk rekreasi keluarga, *City Walk 1.1.2014* bakal mengehadkan jumlah penyertaan seramai 7,000 peserta sahaja pada kali ini.

Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, jawatankuasa penganjur hanya menghadkan acara kepada 7,000 peserta sahaja dan pendaftaran akan ditutup selepas menerima jumlah penyertaan yang dipersetujui.

"Peserta-peserta yang mendaftar akan dibekalkan dengan kemeja T, *goodies bag* dan juga cabutan bertuah," ujar pada sidang media pengumuman penganjuran *City Walk 1.1.2014* di sini baru-baru ini.

*City Walk 1.1.2014* merupakan acara yang diadakan sempena sambutan *City Day* atau Hari Bandaran yang jatuh pada cuti umum sambutan tahun baru pada 1 Januari.

Penganjur utama program adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang bakal bekerjasama Kelab Pengembara Pulau Pinang (PAC) bagi menjayakan program di Lebuh Pantai di sini tersebut.

Menurut Patahiyah, acara berkenaan adalah berbentuk rekreasi keluarga dan bukannya pertandingan di mana para peserta dikehendaki berjalan sejauh lima kilometer.

"Para peserta akan melalui jalan-jalan di sekitar kawasan warisan seperti *Fort Cornwallis, Town Hall,* Khoo Kongsi, Masjid Melayu, Lebuh Acheh, Kuil Sri Mahamariamman dan beberapa lokasi warisan yang lain.

Hadir sama, wakil dari PAC, Wong Pang Kong dan Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Bagi pendaftaraan, yuran penyertaan sebanyak RM10 akan dikenakan terhadap mereka berumur 13 tahun ke atas dan RM5 (5 hingga 12 tahun). Sebarang pertanyaan sila layari laman sesawang *http://www.pac.com.my* atau *www.mppp.gov.my.*

# Rosnani impi kilang buat kuih tradisional



BAHULU pelbagai bentuk sedang dibakar.

Oleh: **YAP LEE YING**
Foto: **IDZHAM AHMAD**



ACUAN bahulu jenis bulat.

**BERMULA** dengan perniagaan kecil-kecilan yang dijalankan ibunya, atas keupayaan sendiri, bahulu tradisional Rosnani Ani kini mampu menembusi pasaran asal.

Walaupun tidak sehingga ke luar negeri, bahulu yang menjadi produk utama pengusaha kuih tradisional berusia 43 tahun tersebut kini telah berjaya dipasarkan di bahagian pulau Pulau Pinang.

Kini, ibu kepada tiga cahaya mata tersebut masih menyimpan seribu pelbagai impian untuk memperkembangkan prospek perniagaan sedia ada.

Ketika ditemui Buletin Mutiara di premisnya yang terletak di Dataran Niaga Bumbung Lima, Pinang Tunggal, Kepala Batas, Rosnani begitu sibuk bersama dua kakitangannya menyiapkan kuih bahulu.

Dari adunan tepung sehinggalah bahulu siap dibakar, setiap langkah beliau begitu pantas dan mahir.

Berhampiran premisnya, selain bau harum bahulu, penulis berserta jurugambar dapat merasai bahang haba ketuhar. Terus terlintas pada fikiran penulis, bagaimana beliau mampu menahan haba sedemikian pada setiap hari.

"Demi rezeki, terpaksalah Puan," jawabnya ringkas.

Setiap hari, rutinnya bermula seawal 7.30 pagi dan proses pembuatan kuih adalah selama empat jam iaitu pada sebelah pagi.

"Sekiranya bahulu dibuat selepas tengah hari, cuaca panas akan menyebabkan ia menjadi keras dan tidak lagi sedap. Pada sebelah petang, tumpuan akan diberikan kepada proses pembungkusan," jelas beliau yang sebelum ini merupakan seorang guru pusat asuhan.

Lazimnya, keenakan rasa bahulu Rosnani membolehkan beliau menerima tempahan sepanjang tahun. Malah, jumlahnya bertambah tiga kali ganda menjelang setiap musim perayaan dan cuti sekolah.

Namun, ekoran tenaga kerja, mesin pembuatan dan keluasan premis yang terhad menyebabkan beliau kadang-kala tidak mampu memenuhi permintaan semasa.

"Dengan kelengkapan kini, akak (Rosnani) dapat menghasilkan 10,000 biji bahulu jenis bulat pada setiap minggu.

"Turut diselang-selikan dalam tempoh sama adalah penghasilan kuih-muih lain seperti putu kacang, dodol, peneram dan putu beras yang juga merupakan produk jualan utama," jelas beliau.

Uniknya, sebagai generasi ketiga resepi yang diturunkan secara turun-temurun, Rosnani menegaskan bahawa beliau masih mengekalkan keaslian kuih-muih tradisional dihasilkannya kini.

"Tepung yang digunakan akan digoreng terlebih dahulu. Malah, akak (Rosnani) juga tidak menggunakan soda bikarbonat untuk menaikkan tepung sebagaimana peniaga-peniaga lain yang ingin mengaut untung lebih.

"Sebaliknya, jumlah telur ditambah ke dalam tepung bagi menyedapkan lagi rasa kuih," jelas beliau sambil menyatakan bahawa bahulunya mampu bertahan selama dua minggu sekiranya tidak terdedah dengan panas.



ROSNANI Ani.

Disebabkan keadaan keluarga yang kurang berkemampuan, Rosnani terpaksa membantu ibunya membuat kuih pada usia seawal 10 tahun.

"Masa tu terpaksa sebab mak terpaksa ke bendang manakala ayah pula kerja kampung.

"Selepas kuih siap, mak akan masukkan dalam beg, naik bas dan bawa ke pekan untuk jual," ujarnya.

Walaupun didedahkan dengan kaedah pembuatan kuih pada peringkat umur muda, beliau hanya diberi kepercayaan oleh ibunya untuk mengambilalih sepenuhnya perniagaan keluarga tersebut pada tahun 2003.

Menyentuh mengenai cabaran dihadapi, Rosnani tidak menafikan bahawa faktor utama adalah persaingan harga pasaran.

"Orang (pelanggan) tak tahu. Orang ingat kualiti kuih adalah sama. Tapi sebenarnya ia tak sama.

"Bila nak *upgrade* harga tak boleh sebab nanti tak laku sebab kat pasaran harga lebih rendah. Orang memang suka yang *original* tapi tak sanggup bayar lebih sebab pasaran dah 'tetapkan' walaupun yang kita banyak letak telur," katanya yang tidak akan berputus asa untuk terus memperkembangkan prospek perniagannya walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Selain merancang untuk mendapatkan tapak premis yang lebih luas, Rosnani turut menyimpan harapan untuk meningkatkan kelengkapan mesin-mesin pembuatan kuih yang lebih moden dan mesra tenaga kerja.

"Contohnya, pembakar ketuhar dilengkapkan dengan landasan penggerak yang mana seseorang tidak perlu berdiri menjaga api dan menahan haba panas seperti dilakukan kini.

"Akak juga berharap dapat kedai di pekan atau bandar bagi memantapkan aspek pemasaran produk jualan kini. Pada masa jangka panjang, akak turut berharap untuk memiliki kilang sendiri," jelasnya sambil menyatakan bahawa anak kedua beliau bakal menyambung perniagaan tersebut selepas beliau bersara kelak.





BAHULU yang sedia untuk dihidang.

**INFO :**
**Untuk tempahan :**
**013 – 471 2410 atau**
**017 – 468 1907**

# Syuhirdy, pencuci pinggan jadi pensyarah

**BELIAU** pernah menjadi tukang basuh pinggan di hotel Universiti Teknologi Mara (UiTM) dua dekad lepas.

Sokongan kawan dan beberapa pensyarah di universiti berkenaan mendorong beliau meneruskan pengajian peringkat diploma latihan chef, iaitu sekitar bidang pemasakan.

Selepas itu, beliau melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang kulinari, seterusnya, dalam bidang gastronomi pada peringkat sarjana.

Gastronomi adalah bidang berkenaan pelancongan pemasakan dan kesihatan.

Berbekalkan segulung ijazah *master* dalam gastronomi, melayakkan Syuhirdy Mat Noor, 35, atau lebih mesra di kenali sebagai "Chef Ady" dilantik menjadi pensyarah di Fakulti Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan UiTM Kampus Pulau Pinang dekat Permatang Pauh.

"Dulu, saya memang bekerja di hotel UiTM, sebagai pencuci pinggan. Saya belajar dari bawah kerana UiTM membuka peluang itu untuk orang seperti saya.

"Kawan-kawan serta beberapa pensyarah di sini yang memberi semangat untuk saya melanjutkan pengajian.

"Saya mula dari diploma hingga sarjana di UiTM bukan (dalam *mood* pengajian) sepenuh masa, tetapi, dalam kerja," ujar Syuhirdy semasa diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Pulau Aman dekat Batu Kawan baru-baru ini.

## Jadi Pensyarah

"Chef Ady" berkata, beliau mudah mengendali pelatih-pelatih yang mempunyai karektor rencam di universiti kerana beliau sendiri pernah melalui "pengajian dari bawah".

Beliau berkata, bidang pengurusan perhotelan dan pelancongan sebenarnya mempunyai prospek kerjaya yang cerah di Pulau Pinang, sungguhpun umum mejar jurusan itu tidak popular.

"Profesionalisme dalam gastronomi di negara ini masih perlu dikembangkan kerana *literature review* bagi satu-satu resepi makanan hampir tidak ada.

"Kalau saya memasak asam pedas umpamanya, saya tidak boleh mengaku saya sebagai pengasas resepi itu kerana *literature review* menunjukkan hampir tidak ada masakan tersebut serta masakan-masakan lain asal dari negara ini.

"Di Barat, *literature review* ada di mana akan ada ahli gastronomi akan mengaku pengasas bagi satu-satu hasilan resepi makanan.

"Tidak memadai sekadar mengajar di universiti sahaja. Seseorang itu perlu menjadi penulis perihal makanan, pengusaha restoran serta pengasas satu-satu jenis makanan, baru melayakkan seseorang itu menjadi ahli gastronomi, dan itu fokus saya sebenarnya selain mengajar di universiti," ujar beliau.


SYUHIRDI Mat Noor.

## Pelancongan Makanan

Tahu tidak tahu "Chef Ady" secara tidak langsung turut menjadi konsultan pelancongan makanan di restoran *The Ridge* dekat Jeti Pulau Aman.

Restoran mewah itu disewa daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Pelbagai makanan dari gugusan Asia, Timur Tengah, Eropah serta Amerika Latin boleh dinikmati di sini dengan harga yang berpatutan.

"Chef Ady" berkata, Pulau Aman boleh dikenali sebagai hub pelancongan makanan kerana Pulau Pinang sendiri hingga sekarang dikenali sebagai destinasi makanan enak dunia, seperti *char koey teow* dan *laksa Penang*.

"Pulau Pinang adalah salah satu produk pelancongan negara kerana mempunyai kawasan pantai yang cantik, lokasi peranginan dan yang paling penting, kawasan-kawasan tinggalan sejarah serta resepi makanan enak.

"George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO merupakan salah satu kawasan tarikan pelancong... sebenarnya, banyak lagi kalau diteroka di Pulau Aman sendiri," ujar beliau.

## Pulau Aman bak 'mutiara'

Kata orang tempatan, Pulau Aman bagaikan mutiara yang tersembunyi di bawah tikar yang menunggu seseorang menggilapnya untuk dinilai oleh dunia.

"Chef Ady" berkata, Pulau Aman sebenarnya kaya dengan produk *dark tourism* atau kawasan tinggalan sejarah yang menarik kunjungan pelancong.

Menurut penduduk di sini, Francis Light mula-mula mendarat di Pulau Aman sebelum melabuhkan kapal di kawasan pulau, kini dikenali sebagai George Town atau *Prince of Wales* suatu ketika dulu.

*Prince of Wales* dipilih kerana kawasan perairan Pulau Aman cetek untuk laluan masuk kapal-kapal besar.

"Berdekatan restoran *The Ridge* ini, masih terdapat *dark tourism* tapak monumen sejarah seperti rumah British, menara api serta kolam tadahan air yang menjadi sumber bekalan air kapal-kapal di sini," ujarnya.

Menurut "Chef Ady", naratif orang tempatan memberitahu, Pulau Aman hampir dijajah oleh penjajah Jepun suatu ketika dahulu.

"Jepun pernah cuba menyerang pulau ini, tetapi, tidak jumpa pulau ini.

"Inilah satu-satunya pulau yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana pihak, dan 100 peratus penduduknya adalah berbangsa Melayu sampai sekarang," jelasnya.

Tambahnya lagi, pulau ini pernah menjadi perkubuan para panglima serta lanun yang menjadi buruan penjajah.

Malah, menurut cerita orang tempatan, kerabat Kerajaan Negeri Kedah yang pernah menjadi mangsa buruan penjajah turut menghuni di pulau ini.

"Bunga ufti emas dirompak di perairan ini, sebab itu ada 'Batu Perompak' dan 'Telaga Emas' di Pulau Aman.

"Nama Pulau Gedung Ubat bersebelahan dengan Pulau Aman pula kerana di pulau itu pernah menjadi tempat simpan 'ubat', iaitu peledak bom serta peluru milik British.

"Sebenarnya banyak *dark tourism* (kawasan tinggalkan sejarah) di pulau ini, cuma perlu dipulihara sebagai produk pelancongan negeri," ujar Shuhirdy.

## Harapan

"Chef Ady yakin Pulau Pinang mempunyai prospek pelancongan makanan dan *dark tourism* yang cerah kerana Kerajaan Negeri giat fokus membangunkan sektor perkhidmatan itu di negeri berkenaan.

Yang tinggal, katanya, sama ada kawasan Pulau Aman ini tersenarai dalam pelan pelancongan negeri serta negara atau tidak, sungguhpun dianggarkan hampir 45,000 pelancong dalam negeri dan luar negara datang bertandang di Pulau Aman tiap-tiap tahun.

Shuhirdy menjelaskan, pihak berwajib perlu datang ke Pulau Aman untuk memulihara semua monumen bersejarah serta infrastruktur pelancongan di sekitar Pulau Aman.

Itu, termasuk memperbaiki sistem paip yang membekal air bersih ke Pulau Gedung Ubat dengan syarat memelihara kepentingan hak penduduk asal di semua destinasi pelancongan Pulau Aman itu sendiri.

"Kerja mempromosi Pulau Aman sebagai hub *dark tourism* sebenar tidak sukar lagi, kerana pulau ini sudah dikenali sebagai destinasi pelancongan makanan disebabkan adanya makanan udang galah yang cukup enak di sini.

"InshaAllah, saya dengan kerjasama NGO (badan bukan kerajaan) Persatuan Rekreasi Belia Batu Kawan sedang merancang sambutan Detik Tahun Baru 2014 bermula pada petang 31 Disember nanti di dataran restoran *The Ridge*.

"Persembahan pentas, percikan bunga api serta sajian makanan enak akan ditawarkan dalam sambutan tersebut untuk menarik pelancong ke pulau ini khususnya dan ke Pulau Pinang secara umumnya," ujar Chef Ady yang bercita-cita menjadi Ahli Gastronomi.

# MPPP tawar semula 45 perjawatan pasca sistem parkir baru



NG Wei Aik (tengah) sambil ditemani Asiah Mohd. Ali (kanan) dan Abdul Malik Abdul Kadir (kiri) menunjukkan risalah sistem parkir baru MPPP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Pengenalan sistem parkir Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berkupon serta prabayar baharu telah membuka 45 peluang pekerjaan.

Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik berkata, seramai 232 atenden yang hilang pekerjaan ekoran sistem baharu itu dipelawa semula memohon pekerjaaan setaraf dengan pihak berkuasa tempatan berkenaan (PBT) tersebut.

Menurut beliau, pekerja sepenuh masa serta mereka yang benar-benar hilang mata pencarian akan diberi keutamaan untuk mengisi 45 kekosongan tersebut melalui satu temuduga, sejurus proses permohonan perjawatan tutup pada 25 November lepas.

"Mereka yang berminat boleh memohon (pekerjaan) sebagai jurujual kupon parkir daripada enam ejen utama yang dilantik pihak pengurusan (di bawah) Abdul Malik Abdul Kadir (Pengarah Urusan Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd.)," ujarnya dalam satu sidang media dekat Komtar, di sini baru-baru ini.

Selain Abdul Malik, Penolong Akauntan Kanan MPPP, Asiah Mohd. Ali turut hadir pada sidang media itu.

Dalam perkembangan sama, sila hubungi Abdul Malik bersama enam agen-agen utamanya, iaitu P.K. Ravee (012 – 574 3002), Abdul Ghafur Sultan (012 – 459 3236), Abdul Halim Zakaria (012 – 405 3966), Muhammad Taha Nagor Meera (016 – 428 0890), Mohammed Amin (016 - 400 7976) dan Yeoh Siew Beng (016 - 411 6467) untuk tujuan merujuk status permohonan perjawatan.


MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap/Kontrak |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap/Kontrak |
| 3. | Arkitek | J41 | Tetap/Kontrak |
| 4. | Jurutera | J41 | Tetap/Kontrak |
| 5. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap/Kontrak |
| 6. | Pegawai Undang-Undang | L41 | Tetap/Kontrak |
| 7. | Pegawai Tadbir | N41 | Tetap/Kontrak |
| 8. | Pegawai Perancang Bandar & Desa | J41 | Tetap/Kontrak |
| 9. | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 10. | Penolong Juruaudit | W27 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 11. | Setiausaha Pejabat | N27 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 12. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Tetap/Kontrak |
| 13. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | N17 | Tetap/Kontrak |
| 14. | Pegawai Khidmat Pelanggan | N17 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 15. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W17 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi http://www.mppp.gov.my. atau http://eperjawatan.mppp.gov.my mulai 7 DISEMBER 2013.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 DISEMBER 2013**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**


# MPSP rangkul anugerah peringkat kebangsaan



SR. Rozali Mohamud (barisan depan, tiga dari kanan) menerima sijil pengiktirafan kategori Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan peringkat kebangsaan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**TAHNIAH...** Buat julung kali, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya merangkul anugerah kategori Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan peringkat kebangsaan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

MPSP merupakan di antara 17 buah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang disenaraipendek dari 30 penyertaan bagi lima kategori dipertandingkan.

Selain MPSP, kategori sama turut dimenangi Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Majlis Daerah Kuala Selangor.

Hadir mewakili MPSP ialah Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud.

# 500 sertai progam komuniti Tanjong Tokong



ZAIRIL Khir Johari (belakang, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama peserta gotong-royong pada Program Komuniti Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat dekat Masjid Tuan Guru di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJONG TOKONG –** Lebih 500 penduduk di Jalan Tanjong Tokong Lama mengambil bahagian dalam Program Komuniti Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat dekat Masjid Tuan Guru di sini baru-baru ini.

Program anjuran secara bersama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Foaz Hamid dan Jawatankuasa Qaryah Masjid Tuan Guru serta Jawatankuasa Penduduk Tanjong Tokong tersebut dirasmikan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Dalam ucapan perasmian, Zairil menekankan peri pentingnya mengekalkan semangat bergotong-royong yang ternyata memberi impak positif dalam kelompok masyarakat setempat.

"Amalan gotong-royong ini bukan sahaja memanfaatkan penduduk tempatan dari segi kebersihan dan kesihatan, malah mampu mengukir semangat muhibah serta kekitaan yang akan membantu pembangunan ukhuwah dalam kalangan masyarakat setempat," ucapnya pada program terbabit di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman dan Chris Chun Kit Lee.

Turut menyerikan majlis adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang berkenan menyampaikan hadiah dan sijil penyertaan kepada para peserta yang menyertai Program Komuniti berkenaan.

Selain gotong-royong, program komuniti tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya Pertandingan Seni Suara dan Gaya Burung, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, pameran korporat, pendaftaran Program Penghargaan Emas Kerajaan Negeri, pemeriksaan kesihatan, cabutan dan kenduri rakyat.

Dalam pada itu, Mohd. Foaz ketika ditemui berkata, beliau amat berterima kasih kepada penduduk Tanjong Tokong yang hadir pada program tersebut.

"Ternyata program komuniti seperti ini mampu mengukuhkan hubungan sesama penduduk di samping menjalinkan hubungan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama dalam program ini.

"Kita (MPPP) sememangnya akan meneruskan program sebegini dari masa ke masa dalam usaha mendokong visi Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri yang lebih bersih, lebih hijau, lebih sihat dan lebih selamat," ujar beliau.



KAUM ibu turut tidak ketinggalan menyediakan juadah untuk kenduri rakyat.




# Replika medium galak aktiviti riadah




**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee yakin bahawa replika besi yang ditempatkan di taman permainan Taman Seri Bayu di sini baru-baru ini mampu menjadi medium menggalakkan penduduk beriadah ketika musim cuti persekolahan mahupun hujung minggu.

Katanya, idea mencipta replika besi *'I Love Jawi'* atau 'Saya Sayang Jawi' adalah untuk dijadikan simbol perpaduan dan keharmonian warga Jawi amnya dan khususnya penduduk di Taman Seri Bayu.

"Idea ini tercetus setelah melihat George Town berubah wajah setelah diserikan oleh *'street art'* sebegini.

"Justeru, kita adakan suatu replika di Jawi yang mampu memberi gambaran positif dan pada masa sama menggalakkan masyarakat di sini beriadah," katanya pada Majlis Perasmian Replika Besi di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

**SOON Lip Chee bersama replika besi *'I Love Jawi'* yang ditempatkan di taman permaianan Taman Seri Bayu, Nibong Tebal di sini baru-baru ini.**

# Edar 500 bubur asyura resipi istimewa



**SALAH seorang sukarelawan mengacau bubur asyura sempena Program Kacau Bubur Asyura 1435H di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Sebanyak kira-kira 500 bungkus bubur asyura diagihkan kepada penduduk sekitar pekan Bayan Lepas di sini sempena Program Kacau Bubur Asyura 1435H baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bayan Lepas, Abdul Rahim Sanusi berkata, sebanyak dua periuk besar dan satu periuk kecil bubur asyura diperbuat daripada resipi istimewa.

"Penyediaan secara gotong-royong melibatkan Ahli Jawatankuasa (AJK) JKKK Bayan Lepas dan juga AJK PAS Cawangan Jalan Mahkamah.

"Bukan sahaja aktiviti seperti ini digalakkan dalam Islam, malah bersesuian dengan sambutan awal Muharram, baru-baru ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini.

Bubur asyura yang disediakan dimasak oleh mantan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Yusoff Noor dan turut dibantu kaum ibu JKKK Bayan Lepas.

Tambah Abdul Rahim, bubur asyura di utara Semenanjung biasanya menggunakan kekacang seperti kacang kuda, kacang hijau, kacang putih, kacang tanah dan kacang merah.

"Selain kekacang, istimewanya bubur asyura ada diletakkan pisang awak, ubi keledek dan jagung untuk menambah rasa bubur asyura," jelas beliau.





**INFO PPK**

**Pusat Khidmat Penyelaras KADUN Teluk Air Tawar**
Taman Tun Dr. Awang, Jalan Pantai Bersih, 13000 Bagan Ajam, Butterworth.

No. Tel : 04-331 5327 (Pejabat)
019-433 7119 (Norhayati Jaafar)
019-433 7464 (Mat Zahir)

# JKKK Pinang Tunggal terima watikah, komputer riba

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEPALA BATAS-** - Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menggesa semua ahli lapan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam kawasan Pinang Tunggal supaya memegang amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya di sini baru-baru ini.

Gesaan itu dibuat susulan penyerahan komputer riba dan mesin pencetak kepada setiap JKKK di kawasan tersebut daripada Kerajaan Negeri bagi memudahkan mereka berurusan dengan masyarakat.

“Wasilah merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan dan bukannya untuk disia-siakan.

“Peruntukan dan kuasa yang diberi haruslah digunakan sebaik-baiknya untuk manfaat rakyat tanpa mengira kaum, agama dan ideologi politik,” katanya pada Majlis Penyampaian Komputer Riba dan Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) JKKK di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Hakmal Effendi Ishak, Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri), Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, ZPP) dan Muhasdey Muhamad (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal).

Pada majlis itu, Mohd. Rashid turut menyerahkan watikah pelantikan kepada semua 114 ahli JKKK bagi sesi 2013/2014.

Daripada jumlah tersebut, seramai 34 orang merupakan ahli lantikan baru manakala 80 lagi adalah lantikan semula.

Tambah Mohd Rashid, kombinasi antara pegawai penyelaras KADUN, JKKK, Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dan Briged Wanita mampu membentuk satu rangkaian terbaik bagi menghubungkan Kerajaan Negeri dengan rakyat.

“Kempat-empat agensi tersebut adalah mata dan telinga Kerajaan Negeri diperingkat akar umbi bagi membantu menyelesaikan masalah serta aduan rakyat.

“Justeru, agensi-agensi ini perlu rapat dengan masyarakat dan perlu sentiasa berurusan dengan pejabat daerah bagi memberikan khidmat yang terbaik untuk mereka,” ujar beliau.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) menyampaikan watikah perlantikan JKKK kepada Pengerusi JKKK Kubang Menerong, Abdullah Chik (kiri) sambil diperhatikan Muhasdey Muhamad (kanan) pada Majlis Penyampaian Komputer Riba dan Watikah Pelantikan AJK JKKK di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan jersi ceriakan kanak-kanak istimewa

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TERUJA...** Sumbangan jersi serta kelengkapan bola sepak bernilai kira-kira RM6,000 bagi pasukan bola sepak *Saint Joseph Home* begitu menceriakan sekumpulan 41 kanak-kanak pusat kebajikan tersebut di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disempurnakan pada Majlis Kesyukuran dan Perpisahan *Saint Joseph Home*.

Selain jersi, antara kelengkapan yang diterima termasuk seluar pendek, kasut bola, bola, sarung tangan penjaga gawang dan sarung kaki hasil sumbangan khas Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo.

Dalam pada itu, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer turut menyumbangkan RM1,200 kepada pihak berkenaan pada majlis sama.




**JAGDEEP Singh Deo (barisan belakang, berkaca mata, kanan) dan R.S.N. Rayer (barisan belakang, berkaca mata, kiri) bergambar kenangan bersama-sama ahli-ahli pasukan bola sepak *Saint Joseph Home* Majlis Kesyukuran dan Perpisahan *Saint Joseph Home* di sini baru-baru ini.**

# Bakat Si Cilik – Mewarna!!



Cekap Akauntabel Telus

Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................

No. Telefon : (Rumah) .............. (Bimbit) ..............

Emel: ..............................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
2. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Februari 2014.
8. Hanya Borang penyertaan sah boleh digunakan.
9. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
10. Alamatkan semua borayan penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna, Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**